

Usah jadi ‘harta awam’

■ Elak gambar peribadi terutama wanita dieksplotasi ke arah keburukan

LAPORAN muka depan
Harian Metro, kelmarin.

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jangan jadikan diri kita sebagai ‘harta awam’ dengan berkongsi gambar peribadi di laman sosial boleh dilihat se-siapa saja. ‘Harta awam’ ber-makna kita bersedia digu-nakan sesiapa saja sama ada melalui cara baik atau bu-ruk.”

Demikian tegas pakar so-sial Prof Dr Mohammad Sha-tar Sabran mengenai keghai-rahan pengguna laman sosial terutama wanita berkongsi

gambar peribadi mereka se-wenang-wenangnya sehing-ga dieksplotasi ke arah keburukan.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Pu- tra Malaysia berkata, seki-ranya keadaan itu berlaku individu berkenaan tidak boleh menyalahkan ‘masya-rakat digital’ apabila gam-barinya dikutuk atau diubah sehingga mendatangkan fit-nah kerana dia bersetuju menjadi ‘harta awam’ yang boleh digunakan sesiapa saja mengikut cara dikehendaki.

“Itulah bezanya cara ge-nerasi dulu dan hari ini ber-sosial apabila generasi mo-dern ini mereka terlalu ghairah berkongsi segala kisah

“Pertonton gambar tidak sepatutnya dilihat orang ramai umpama bom jangka yang boleh membunuh masa depan”

Prof Dr Mohammad Shatar Sabran

dan gambar di laman sosial tanpa memikirkan kesannya kepada masa depan diri dan keluarga.

“Mempertontonkan gam-bar tidak sepatutnya dilihat orang ramai seperti gambar



seksi dan sebagainya um-pama bom jangka yang boleh membunuh masa depan wa-laupun mereka sebenarnya lebih mengharapkan untuk mendapat pujian,” katanya

ketika dihubungi Harian Me-tro di sini semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar ini kel-marin mengenai nasib di-terima Lili, 25 apabila gam-bar seksinya yang dikongsi di laman sosial Facebook (FB), dicuri’ sebelum dimuat naik ke laman pornografi.

Akibatnya, pekerja butik itu kini hidup dalam trauma apabila menanggung aib aki-bat dicemuh rakan FB, malah hampir dibuang kerja selepas majikan menyangka dia be-nar-benar mencemarkan nama syarikat.

Biarpun gambar diubah suai dan berbeza gambar asal dirakamkan, namun orang ramai terutama ‘masyarakat

digital’ tidak mengetahui ha-kikat itu dan menganggap ia gambar tulen menyebabkan tersebut pantas.

Mengulas lanjut, Dr Mo-hammad Shatar berkata ke-jadian yang menimpa Lili itu contoh yang perlu dijadikan teladan dalam kalangan ge-nerasi Y hari ini yang me-miliki kebebasan dalam per-gaulan.

“Sebaik-baiknya, sebelum berkongsi status atau gambar di lama sosial, tanya dulu pada diri apakah tujuan kita. Jika untuk menjadikan diri popular, bersedia lah mene-rima keadaan sebaliknya ker-na pemikiran jutaan rakyat dunia tidak sama dengan ki-ta,” katanya.